



Kata Ganda Separa

Tetamu dari Jepun



Ayah Hanif dikunjungi **tetamu** istimewa. Tetamu itu ialah Encik Suzuka. Beliau rakan ayah Hanif semasa belajar di Jepun.

Ayah Hanif melayan Encik Suzuka dengan mesranya. Beliau membawa Encik Suzuka ke kampung halamannya di Johor. Encik Suzuka kagum kerana dapat melihat keistimewaan seni bina rumah tradisional Melayu.

1. Ayah Hanif menerangkan keunikan rumah tradisional Melayu kepada _____nya.
2. _____ ialah kayu yang digunakan untuk menahan bumbung rumah.
3. _____ pada tingkap rumah tradisional Melayu mempunyai ukiran yang cantik.
4. Encik Suzuka kagum melihat _____ yang dilekapkan pada tiang rumah itu.



BIJAK BAHASA

Kata ganda separa ialah kata yang terbentuk apabila suku kata pertama pada kata dasarnya mengalami pengulangan. Contoh: bebalai, kekura, jejentik, sesawang, lelangit.